2012

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2012

77 Dasar Monetari

80 Operasi Monetari

83 *Rencana: Jawatankuasa Dasar Bersama Bank Negara Malaysia*

DASAR MONETARI

Dasar monetari pada tahun 2012 tertumpu pada pengurusan risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah dalam keadaan inflasi yang menjadi lebih sederhana. Meskipun ekonomi Malaysia terus mencatat kadar pertumbuhan yang stabil dan inflasi berada pada trend yang menurun, tahap ketidaktentuan ekonomi dan kewangan global yang tinggi kekal sebagai risiko. Bagi mengimbangi antara risiko kepada inflasi dengan risiko kepada pertumbuhan ekonomi, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) dengan sebulat suara memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% sepanjang tahun 2012.

Dasar monetari pada tahun 2012 mengimbangi antara menyokong pertumbuhan dengan mengekalkan kestabilan harga

Pada permulaan tahun 2012, penilaian yang dibuat oleh MPC mendapati bahawa prospek pertumbuhan global telah menjadi semakin lemah berbanding dengan tahun 2011. Ancaman terhadap pertumbuhan global sebahagian besarnya berpunca daripada keadaan ekonomi dan kewangan dalam ekonomi maju. Krisis hutang kerajaan Eropah terus memberikan kesan kepada pasaran kewangan antarabangsa. Di AS dan kawasan euro, keadaan pasaran pekerja masih lemah, konsolidasi fiskal terus dilaksanakan dan ketidaktentuan dasar masih ketara. Akibatnya, turun naik pasaran kewangan kekal tinggi dan pengantaraan kewangan dalam ekonomi ini terus terjejas. Di rantau Asia, meskipun pertumbuhan KDNK dijangka disokong oleh permintaan dalam negeri, momentum pertumbuhan diunjurkan menjadi lebih sederhana berikutan persekitaran luar yang lebih lemah. Faktor yang berbeza dari tahun sebelumnya ialah ketidakpastian yang bertambah berhubung dengan kekukuhan aktiviti ekonomi di RR China dan keupayaannya untuk terus menyokong permintaan luar di rantau ini. Dalam laporan Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) yang dikemaskini pada bulan Januari 2012, IMF mengubah ramalan pertumbuhan globalnya bagi tahun 2012 daripada 4.0% turun kepada 3.3%. Ini bererti pertumbuhan global pada tahun 2012 akan lebih rendah daripada 3.9% yang dicatat pada tahun 2011.

Disebabkan ekonomi Malaysia adalah sangat terbuka, pertumbuhannya akan dipengaruhi oleh aktiviti dalam ekonomi global yang lebih sederhana. Eksport bersih dijangka menyumbang secara negatif kepada pertumbuhan pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka menyokong pertumbuhan, didorong oleh aktiviti sektor swasta serta diperkukuh oleh perbelanjaan sektor awam. Penggunaan swasta akan disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil, pertumbuhan pendapatan yang positif dan bantuan fiskal kepada isi rumah yang disasarkan. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor berorientasikan dalam negeri, industri minyak dan gas, dan projek berkaitan dengan Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP). Dengan permintaan dalam negeri menyokong ekonomi Malaysia, pertumbuhan KDNK bagi tahun 2012 diunjurkan dalam julat 4-5%.

Dari segi inflasi, penilaian MPC pada awal tahun 2012 menunjukkan impak daripada faktor permintaan dalam negeri kepada inflasi sepanjang tahun tersebut akan dapat dibendung. Meskipun permintaan dalam negeri kukuh, masih lagi wujud kapasiti lebihan dalam ekonomi. Bekalan tenaga kerja dalam ekonomi memadai, dan produktiviti akan terus meningkat. Inflasi dorongan faktor kos dijangka menurun selaras dengan aktiviti ekonomi global yang semakin perlahan, lantas meredakan tekanan terhadap harga komoditi makanan dan tenaga utama. Persekitaran inflasi global yang rendah juga akan mengurangkan inflasi diimport. Oleh yang demikian, tekanan kos dijangka sederhana dan firma dijangka tidak menaikkan harga runcit dengan ketara. Dengan itu, inflasi dijangka menjadi sederhana pada julat 2.5–3.0% pada tahun 2012, lebih rendah

berbanding dengan paras 3.2% yang dicatat pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, wujud risiko inflasi menjadi lebih tinggi yang berpunca daripada kemungkinan gangguan bekalan global dan komoditi yang semakin bercirikan pasaran kewangan, yang mungkin menyebabkan harga komoditi dan makanan yang lebih tinggi.

MPC menyifatkan bahawa risiko kepada pertumbuhan dan inflasi dalam negeri adalah secara amnya seimbang. Pertumbuhan dalam negeri dijangka berdaya tahan tetapi perkembangan luar pula mewujudkan risiko yang tinggi terhadap prospek pertumbuhan ekonomi menjadi lebih rendah. Sementara itu, meskipun inflasi diunjurkan menjadi sederhana, kemungkinan gangguan pada bekalan global dan harga komoditi yang tidak menentu mencetuskan risiko prospek inflasi menjadi lebih tinggi. Dengan itu,

Rajah 3.1

Prospek Pertumbuhan KDNK Benar pada tahun 2012



*Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam
**Ekonomi Perindustrian Baharu

Sumber: IMF, WEO September 2011, Januari, April, Julai dan Oktober 2012

Rajah 3.2

KDNK dan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

OPR dikekalkan pada 3.00% pada separuh pertama tahun tersebut.

Dalam tempoh berikutnya pada tahun 2012, terdapat tanda-tanda yang bersifat sementara bahawa keadaan ekonomi dan kewangan global bertambah baik. Pemulihan ekonomi AS menunjukkan tanda-tanda yang lebih baik, disokong oleh pertumbuhan kredit yang positif, keadaan pasaran guna tenaga yang lebih baik walaupun lembap, dan pasaran perumahan yang semakin stabil. Tekanan dalam pasaran kewangan antarabangsa juga sebahagiannya diredakan oleh langkah yang diperkenalkan untuk menangani krisis hutang kerajaan Eropah dan pelonggaran monetari seterusnya oleh ekonomi maju. Namun, keadaan asas ekonomi dan kewangan dalam ekonomi maju masih lemah dan tidak menentu. Kebimbangan terhadap kemampanan fiskal di AS dan kawasan euro masih berterusan. Di kawasan euro, langkah penjimatan dan keadaan kredit yang ketat terus menghalang pertumbuhan. Di AS, kebimbangan semakin bertambah terhadap kemungkinan sebahagian besar sokongan fiskal AS akan dihentikan, yang akan memberikan kesan yang ketara kepada pertumbuhan di negara tersebut. Hakikatnya, prospek pertumbuhan bagi ekonomi maju, dan seterusnya ekonomi global, terus lemah dan terdedah kepada peningkatan ketara risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah.

Menjelang bulan September, terdapat tanda-tanda yang semakin nyata bahawa momentum pertumbuhan global sebenarnya telah menjadi sederhana. Penunjuk penting dalam ekonomi maju terus memaparkan aktiviti ekonomi yang lemah, lantas menjejaskan prospek ekonomi global untuk tempoh seterusnya pada tahun 2012 dan juga sehingga tahun 2013. Pada masa yang sama, permintaan dalam negeri bagi ekonomi Asia, termasuk RR China, menunjukkan tanda menjadi lebih sederhana. Selepas prospek pertumbuhan KDNK dunia untuk tahun 2012 dinaikkan kepada 3.5% dalam laporan WEO yang dikemaskini pada bulan April 2012, IMF kemudiannya menurunkan ramalannya kepada 3.3% pada bulan Oktober 2012. Ramalan untuk pertumbuhan KDNK dunia pada tahun 2013 turut diturunkan daripada 4.1% kepada 3.6%.

Walaupun ekonomi dalam negeri terjejas oleh kelemahan dalam persekitaran luar, perkembangan sepanjang tahun itu lebih jelas menunjukkan bahawa peningkatan aktiviti dalam negeri yang

berterusan akan mampu mengimbangi sebahagian daripada kelemahan dalam perkembangan luar ini, apabila penggunaan dan pelaburan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh daripada jangkaan. Penunjuk dan tinjauan keadaan perniagaan sepanjang tahun menunjukkan peningkatan berterusan dalam penggunaan swasta dan perbelanjaan perniagaan. Dalam penilaian prospek bagi tahun 2013, penggunaan swasta dijangka menerima sokongan tambahan daripada sentimen pengguna yang terus positif, pertumbuhan pendapatan, akses kepada kredit daripada sistem perbankan, dan pelbagai bantuan fiskal kepada isi rumah oleh Kerajaan. Di samping itu, pertumbuhan pelaburan swasta dalam sektor berorientasikan dalam negeri dijangka tinggi. Pelaburan awam juga dijangka kukuh, berikutan perbelanjaan modal yang tinggi oleh perusahaan awam dan pertumbuhan yang berterusan dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2013, pertumbuhan KDNK dijangka kukuh sekitar paras pada tahun 2012, dengan permintaan dalam negeri terus berperanan penting.

Dari segi harga, inflasi keseluruhan menjadi lebih rendah daripada ramalan awal Bank disebabkan harga makanan yang lebih rendah berikutan keadaan bekalan makanan dalam negeri yang lebih baik daripada jangkaan. Inflasi yang lebih rendah juga disebabkan oleh tekanan harga global yang lemah berikutan pertumbuhan global yang lebih perlahan dan kesan asas (base effect) susulan peningkatan inflasi yang mendadak dan besar pada tahun sebelumnya. Permintaan dalam negeri yang mampan tidak menyebabkan kenaikan harga yang ketara, kerana tekanan kos yang nyata lembap pada tahun tersebut dan juga peningkatan kecekapan hasil daripada produktiviti yang meningkat lebih kukuh berbanding dengan pertumbuhan pendapatan. Di samping itu, meskipun inflasi dinilai mungkin lebih tinggi pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012, inflasi akan kekal sederhana, kerana harga tenaga dan komoditi global dijangka dapat dibendung berikutan keadaan global yang terus lemah. Walau bagaimanapun, risiko inflasi menjadi lebih tinggi yang berpunca daripada kemungkinan gangguan bekalan global terus menjadi sumber peningkatan inflasi.

Meskipun persekitaran luar adalah tidak menentu, prestasi ekonomi dalam negeri terus meningkat dengan prestasi yang lebih baik daripada jangkaan. Prestasi ekonomi yang teguh dan keadaan inflasi yang secara relatifnya sederhana mendorong MPC untuk mengekalkan pendirian dasar monetarinya sepanjang separuh kedua tahun 2012.

Ahli-ahli MPC menyifatkan bahawa walaupun permintaan pinjaman yang kukuh sepanjang tahun 2012 wajar dipantau dengan rapi, keadaan ini tidak membimbangkan kerana jumlah pertumbuhan pinjaman disokong sebahagian besarnya oleh pemberian pinjaman kepada perniagaan, terutama dalam industri berorientasikan dalam negeri dan projek berkaitan ETP. Namun, terdapat kebimbangan tentang potensi risiko keberhutangan yang berlebihan dalam segmen tertentu sektor isi rumah. Oleh itu,

Rajah 3.3

Prospek Pertumbuhan KDNK Benar pada tahun 2013



*Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam
**Ekonomi Perindustrian Baharu

Sumber: IMF, WEO September 2011, Januari, April, Julai dan Oktober 2012

Rajah 3.4

Sumbangan Pertumbuhan Tahunan dalam Jumlah Pinjaman Terkumpul



¹ Lain-lain merujuk kepada kerajaan, institusi kewangan, perusahaaan asing dan entiti tempatan lain

Sumber: Bank Negara Malaysia

MPC menyifatkan bahawa perubahan terhadap pendirian dasar monetari adalah tidak wajar. Bank telah memperkenalkan langkah kehematan makro dan garis panduan yang dikeluarkan mengenai amalan pembiayaan pinjaman yang bertanggungjawab pada awal tahun 2012 dan ini secara beransur-ansur memberikan kesan memperlahankan pertumbuhan pinjaman kepada sektor isi rumah. Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan kepada isi rumah menjadi sederhana daripada 12.9% pada bulan Disember 2011 kepada 11.6% pada bulan Disember 2012. Walau bagaimanapun, MPC terus membuat penilaian yang rapi mengenai perkembangan dalam kredit isi rumah untuk memastikan risiko keberhutangan isi rumah secara berlebihan dapat terus dibendung.

Dasar monetari turut berdepan dengan cabaran aliran modal yang kekal besar dan tidak menentu sepanjang tahun. Dasar monetari yang longgar dan persekitaran kadar faedah rendah dalam ekonomi maju telah mewujudkan mudah tunai yang berlebihan yang sangat besar pada peringkat global, yang sentiasa mencari kadar hasil lebih tinggi. Dengan kadar hasil yang lebih tinggi dan prospek pertumbuhan yang lebih baik bagi ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, mudah tunai ini banyak yang mengalir masuk dalam bentuk aliran portfolio. Selain itu, perkembangan dalam ekonomi maju dan sentimen yang sentiasa berubah dalam pasaran kewangan global menjadikan aliran ini amat tidak menentu. Sistem kewangan lazimnya mampu melaksanakan fungsi pengantaraannya dengan berkesan bagi aliran ini tanpa menimbulkan gangguan yang ketara terhadap pasaran kewangan. Pendalaman sistem kewangan Malaysia sejak sedekad yang lalu telah meningkatkan keupayaan pengantara kewangan dan pasaran kewangan dalam negeri untuk menjadi pengantara bagi pergerakan masuk dan keluar aliran portfolio. Di samping itu, persekitaran yang lebih liberal menjana aliran dua hala yang mengurangkan turun naik aliran tersebut.

OPERASI MONETARI

Pada tahun 2012, pasaran wang dalam negeri terus stabil dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan domestik meskipun wujud ketidakstabilan dan ketidaktentuan dalam pasaran global. Pasaran antara bank terus mencatat kadar aktiviti dan jumlah urus niaga yang menggalakkan dalam persekitaran mudah tunai yang berlebihan. Semua peserta merupakan pemberi pinjaman bersih kepada Bank. Agregat mudah tunai lebihan purata untuk tahun 2012 berjumlah RM370.9 bilion, mencecah paras tertinggi sebanyak RM375.7 bilion pada bulan Mac 2012. Urus niaga pasaran wang antara bank mencatat jumlah sebanyak RM1,138 bilion, peningkatan sebanyak 35% berbanding dengan tahun 2011. Sebahagian besar daripada urus niaga pasaran wang antara bank tertumpu pada kematangan jangka pendek (semalaman dan 1-minggu), yang menjadi pilihan peserta pasaran antara bank untuk pengurusan mudah tunai jangka pendek.

Rajah 3.5

Mudah Tunai Terkumpul yang Disimpan di Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.6

OPR dan Kadar Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dengan keadaan pasaran wang yang stabil, kadar antara bank bagi semua tempoh matang diurusniagakan dalam spread yang agak kecil. Kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) mengikuti jejak OPR dengan rapat, antara 2.89% hingga 3.00%, dengan sisihan purata (average deviation) (AOIR ditolak OPR) sebanyak 1 mata asas.

Selaras dengan saranan yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 untuk menggalakkan pasaran wang yang cekap dan berdaya saing dengan kedalaman dan mudah tunai yang lebih besar, Bank mengubah kendalian operasi monetarinya dengan memberikan tumpuan pada urus niaga berasaskan sekuriti dan bercagar. Pada tahun 2012, Bank secara beransur meningkatkan terbitan Nota Monetari Bank Negara Malaysia (BNMN) konvensional dan Islam, lantas mengurangkan pergantungan terhadap peminjaman tanpa cagaran. Operasi monetari berasaskan sekuriti meningkat daripada 36% kepada 48% daripada jumlah operasi pada tahun 2012.

Kadar hasil BNMN adalah lebih rendah berbanding dengan OPR pada suku pertama apabila peserta pasaran menjangkakan BNM akan menurunkan OPR berikutan prospek pertumbuhan global yang lebih perlahan dan kesannya terhadap ekonomi dalam negeri. Walau bagaimanapun, kadar hasil kembali pada paras yang wajar dari suku kedua dan seterusnya kerana pasaran kewangan berpegang pada pendapat bahawa OPR tidak akan berubah pada 3.00% sepanjang tahun. Permintaan terhadap BNMN oleh bank-bank dan pelabur bukan pemastautin yang kukuh secara berterusan pada separuh kedua tahun tersebut menyebabkan kadar hasil diurusniagakan lebih hampir kepada OPR. Permintaan yang kukuh terhadap BNMN memberi peluang kepada Bank untuk mengurangkan lebihan mudah tunai bagi tempoh lebih lama dan melanjutkan profil tempoh matang instrumen kewangannya.

Senarai gadaian yang layak telah diperluas untuk merangkumi sekuriti bukan ringgit yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia, sekuriti yang diterbitkan oleh kerajaan dan bank-bank pusat negara anggota EMEAP dalam mata wang utama dan mata wang negara asal masing-masing, serta Perbendaharaan AS dan Gilt UK

Pada bulan Mei 2012, Bank mengeluarkan garis panduan baharu di bawah rangka kerja Kemudahan Tersedia (Standing Facility) yang menambah senarai cagaran yang layak untuk membantu pengurusan mudah tunai yang lebih mantap oleh peserta pasaran kewangan. Rangka kerja tersebut, yang pada mulanya hanya menerima sekuriti dalam denominasi ringgit,

Rajah 3.7

Pecahan Instrumen Dasar Monetari Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

telah diperluas untuk merangkumi sekuriti bukan ringgit yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia, sekuriti yang diterbitkan oleh kerajaan dan bank-bank pusat negara anggota Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur Pasifik (Executives' Meeting of the East Asia Pacific Central Banks, EMEAP) dalam dolar AS, paun sterling, euro, yen Jepun, dan mata wang negara asal masing-masing, serta Perbendaharaan AS dan Gilt UK. Di samping itu, Bank juga akan menerima terbitan berdaulat mata wang negara asal dan mata wang negara yang telah menandatangani pengaturan gadaian merentas sempadan (cross-border collateral arrangements, CBCAs) dengan Bank. Pada masa ini, Bank telah menjalin pengaturan sedemikian dengan Singapura dan Thailand. Rangka kerja yang diperluas ini sejajar dengan usaha untuk mengukuhkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan melalui CBCA, dengan membenarkan institusi kewangan yang beroperasi di negara-negara tersebut menyandarkan sekuriti denominasi asing dan mata wang asing bagi memperoleh mudah tunai daripada bank pusat masing-masing. Semakan ini turut memudahkan orientasi serantau institusi kewangan yang lebih meluas dan meningkatkan aktiviti merentas sempadan dalam rantau. Dalam garis panduan yang disemak tersebut, dalam penerimaan sekuriti yang diterbitkan dalam mata wang utama oleh bank pembangunan pelbagai hala dan institusi kewangan pelbagai hala, Bank juga akan mengiktiraf sekuriti Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) sebagai gadaian yang layak untuk kemudahan tersedia. IILM, sebuah institusi antarabangsa yang ditubuhkan pada bulan Oktober 2010 oleh bank-bank pusat, pihak berkuasa monetari dan organisasi pelbagai hala, telah diwujudkan untuk menerbitkan instrumen kewangan berlandaskan Shariah jangka pendek bagi memudahkan pengurusan mudah tunai Islam merentas sempadan dengan berkesan.

Rajah 3.8

Kadar Hasil BNMN dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi operasi pasaran wang Islam, Bank memperkenalkan Murabahah Bercagar pada bulan Mei 2012, sebagai instrumen alternatif bagi bank-bank Islam untuk mendapatkan mudah tunai daripada Bank di bawah kemudahan tersedia. Murabahah Bercagar pada dasarnya ialah pembiayaan dilindungi yang menggabungkan urus niaga pembiayaan Murabahah yang telah diterima secara meluas dengan Sukuk untuk membentuk gadaian sandaran. Matlamat utama memperkenalkan Murabahah Bercagar adalah untuk menawarkan instrumen kewangan baharu berisiko kredit rendah yang menggalakkan urus niaga bercagar dalam pasaran wang Islam di Malaysia. Sebagai alternatif kepada pengaturan jual dan beli balik (sell buy back arrangement) yang sedia ada, instrumen baharu ini menambah kepelbagaian alat pengurusan mudah tunai yang seakan repo dalam pasaran kewangan Islam. Pada masa hadapan, instrumen ini juga akan diperluas untuk memudahkan operasi pasaran wang Islam harian (repo Islam).

Jawatankuasa Dasar Bersama Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia sentiasa mengambil maklum bahawa dasar monetari dan kestabilan kewangan saling bergantung antara satu sama lain. Krisis kewangan dalam ekonomi maju telah meningkatkan kepentingan hubungan antara kedua-dua dasar ini. Sungguhpun pengendalian dasar monetari yang berkesan mengandaikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil untuk menyediakan mekanisme penyampaian yang efektif, kestabilan kewangan yang berterusan pula memerlukan keadaan makroekonomi yang teguh, termasuk dasar monetari yang berkesan. Sebagai contoh, memandangkan peranan penting sistem kewangan dalam proses pengantaraan, kegagalan kestabilan kewangan akan menjejaskan mekanisme penyampaian monetari dengan mengganggu pengantaraan kewangan dan aliran kredit kepada ekonomi, lantas menyebabkan dasar monetari menjadi kurang berkesan. Pendirian dasar monetari yang membenarkan kadar faedah yang rendah secara berlanjutan juga boleh mengakibatkan pembentukan ketidakseimbangan kewangan, yang seterusnya meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Memandangkan dasar monetari dan dasar kewangan amat bergantung antara satu sama lain, penyelarasan yang berkesan antara kedua-dua dasar ini sangat penting bagi mengekalkan keadaan makroekonomi yang mampan. Menyedari hal ini, Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Dasar Bersama (Joint Policy Committee, JPC), iaitu jawatankuasa dasar dalaman peringkat tinggi, bagi membincangkan isu-isu merentas pelbagai kategori dan memastikan penyelarasan dasar yang berkesan, yang mungkin mempunyai impak terhadap sistem kewangan dan keseluruhan ekonomi. Rangka kerja forum bersama ini mempermudah pengawasan yang lebih meluas dan penilaian risiko yang lebih menyeluruh terhadap isu-isu, dengan menggabungkan pengawasan makroekonomi dan analisis sektor kewangan pada peringkat mikro. Kaedah ini membolehkan Bank bertindak lebih awal terhadap isu-isu yang timbul dengan lebih terselaras dan tepat pada masa. JPC diperuntukkan pelbagai kuasa dan instrumen kehematan makro untuk melaksanakan mandatnya.

Rajah 1

Pembahagian Tanggungjawab



JPC akan bermesyuarat apabila Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) atau Jawatankuasa Kestabilan Kewangan[1] (Financial Stability Committee, FSC) mengemukakan sesuatu isu yang mempunyai implikasi terhadap kestabilan monetari dan juga kewangan[2]. Bank mengadakan mesyuarat sulung JPC pada 7 September 2010. Jawatankuasa JPC pada masa ini terdiri daripada Gabenor, Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor Bank.

Sejak penubuhannya, beberapa isu penting telah diajukan kepada JPC. Yang ketara, JPC membincangkan analisis keadaan kredit dari beberapa perspektif. Memandangkan terdapat

[1] Rujuk rencana tentang "Pelaksanaan Akta Bank Negara Malaysia 2009", Laporan Tahunan 2010.
[2] Oleh itu, tiada jadual atau kekerapan yang tetap untuk mesyuarat JPC

risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri menjadi perlahan disebabkan oleh persekitaran global yang lemah dan ancaman inflasi yang lebih tinggi akibat kenaikan harga komoditi global pada tahun-tahun kebelakangan ini, JPC telah menilai daya tahan isi rumah terhadap kejutan pendapatan, di mana penilaian dibuat pada tahap agregat dan juga pada peringkat terperinci. Baru-baru ini, JPC membincangkan tentang kemampanan keberhutangan isi rumah, dengan analisis terperinci trend kredit, berbanding dengan asas-asas ekonomi dan keteguhan kedudukan kewangan isi rumah merentas pelbagai kategori pendapatan dan umur. Analisis ini disokong oleh penilaian terhadap peranan institusi kewangan bukan bank yang semakin meningkat dalam pembiayaan sektor isi rumah. Isu lain yang dibincangkan adalah perkembangan dalam pasaran harta tanah, dan keadaan kredit keseluruhan dalam sektor harta kediaman dan bukan kediaman. Analisis terhadap pasaran harta tanah dijalankan pada peringkat kebangsaan dan juga mengikut kawasan tertentu. Hasil kumulatif mesyuarat JPC ialah pelaksanaan beberapa langkah kehematan makro yang disasarkan bagi memastikan tahap kehematan hutang isi rumah dan mengelakkan spekulasi yang berlebihan dalam pasaran harta tanah.

Jadual 1

Hasil Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Bersama (Joint Policy Committee, JPC)

Langkah	Pelaksanaan		Rasional
Nisbah pinjaman kepada nilai (loan-to-value, LTV) maksimum untuk pinjaman perumahan	Nov 2010	• Nisbah LTV maksimum sebanyak 70% untuk pembiayaan perumahan ketiga dan berikutnya yang diambil oleh peminjam	• Mengurangkan aktiviti pelaburan berlebihan dan membendung tingkah laku spekulatif yang menyebabkan kenaikan harga rumah yang ketara di lokasi tertentu
	Dis 2011	• Nisbah LTV maksimum sebanyak 60% untuk pinjaman perumahan oleh bukan individu	
Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab	Jan 2012	• Institusi kewangan dikehendaki membuat pertanyaan yang wajar tentang pendapatan bakal peminjam selepas potongan berkanun untuk cukai dan simpanan persaraan, dan mempertimbangkan semua obligasi hutang apabila menilai kemampuan peminjam • Tempoh maksimum pembiayaan sewa beli ialah 9 tahun	• Menggalakkan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus oleh institusi kewangan • Menggalakkan peminjaman sihat dengan membantu pengguna mempertimbangkan keupayaan mereka untuk menjelaskan semua obligasi hutang tanpa perlu mengambil hutang tambahan atau menanggung kesukaran yang besar
Saranan menaikkan cukai untung harta tanah (real property gains tax, RPGT)	Jan 2012	• Kerajaan menaikan cukai untung harta tanah kepada 10% untuk jualan harta tanah dalam tempoh dua tahun pembelian dan kepada 5% untuk jualan dalam tempoh antara 2 hingga 5 tahun	• Untuk tidak menggalakkan aktiviti spekulatif dalam pasaran harta tanah